

Buletin

<https://ppa.upm.edu.my>
MAC 2024 | VOL. 3



Pegawai Akademik Bersedia Menggalas Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi

Menerusi sesi taklimat Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024, yang telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir, Menteri Pendidikan tinggi pada 12 Januari 2024, menggariskan lima (5) fokus utama; (i) Penyediaan Bakat Terbaik Negara; (ii) Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi; (iii) Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu; (iv) Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan (v) Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-44

Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-44 secara fizikal dari L'apprenti, UPM . Mesyuarat Agung menghimpunkan hampir keseluruhan ahli sebagai acara tahunan yang mengeratkan lagi hubungan bersama akademik.



Kepada semua Ahli PPAUPM

Teruskan Berilmu Berbakti

YBhg. Prof. Dr. Jalila Abu
Presiden, Persatuan Pegawai
Akademik UPM



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Tahniah kepada Exco 2023/2025 kerana menyediakan Buletin PPAUPM Vol. 3 (Edisi Tahun 2024). Buletin ini menyediakan maklumat dan pengisian yang ringkas untuk tatapan ahli sebagai perkongsian aktiviti dan pencapaian PPA sepanjang tahun 2023/2024. Pengisian Newsletter adalah perkongsian aktiviti dan kertas kerja yang telah dilaksanakan dan disediakan serta pencapaiannya.

Alhamdulillah, saya dan exco PPAUPM berasa syukur atas kerjasama semua untuk pencapaian tahun 2023. Kepada semua ahli PPAUPM, saya dan exco ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan anda. Teruskan bersatu dan membantu persatuan dalam menjaga kebajikan pegawai-pegawai akademik di universiti. Teruskan menjadikan platform PPAUPM sebagai pengantara warga akademik dengan pengurusan universiti. Juga teruskan menyokong dan melibatkan diri anda dalam aktiviti persatuan dan kongsi idea dan pandangan anda untuk masa hadapan kita bersama.

Terima kasih juga kepada pihak pengurusan UPM di atas sokongan dan sentiasa membantu PPAUPM dan turut menjaga kebajikan pensyarah.

SALAM HORMAT,
PROF. DR. JALILA ABU
8 Februari 2024

Mutakhir ini, kredibiliti dan kecemerlangan pegawai-pegawai akademik menjadi bualan hangat baik di media massa mahupun dikalangan masyarakat negara ini. Diharap semua ahli persatuan akan terus berusaha mempertingkatkan kecemerlangan diri merujuk kepada pembangunan ilmu untuk tujuan membantu UPM dan semua yang berkaitan mengikut bidang kepakaran masing-masing dan agar sentiasa berada dihadapan.

Persatuan Pegawai Akademik (PPA) Kekal Relevan

Persatuan Pegawai Akademik (PPA) Universiti Putra Malaysia telah didaftarkan pada 4 November 1976. Objektif penubuhan persatuan ini adalah untuk menjaga hal-hal kebajikan dan meningkatkan kepentingan ahli-ahlinya. Ia menjadi platform komunikasi dan bertukar pendapat di antara ahli dengan pengurusan universiti.

Selain itu PPA juga bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan universiti dan persatuan pegawai akademik di Universiti Awam (UA) dan Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) dalam memperbaiki dan menjaga kualiti pembelajaran dan pendidikan negara ini.

PPA juga menjadi pengantara dalam mempromosikan kerjaya akademik, penyelidikan, jaringan hubungan dan aktiviti sosial dalam kalangan ahlinya.

Setelah 48 tahun ditubuhkan, PPA telah menyumbang kepada pelbagai pencapaian terutama dalam menjaga kebajikan ahlinya. Adat perjuangan, ada jatuh dan banggunya. Namun ianya tidak sesekali mematahkan semangat perjuangannya dalam memastikan kelestarian kerjaya Ahli Akademik diulang pada waktunya.

PPAUPM menyiarkan Buletin tahunan Persatuan yang ke-3 besempena Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-44 pada 8 Mac 2024. Ini merupakan salah satu usaha bagi membolehkan Ahli mengetahui aktiviti yang dijalankan serta turut serta bersama dalam setiap program yang dijalankan.

Akhir kata, marilah kita renungkan bersama peribahasa Melayu yang mendalam maknanya ini yang serumpun dengan hasrat PPA.

**"Akal tak sekali datang,
runding tak sekali tiba.
Yang berbaris, yang
berpahat, yang bertakuk,
yang bertembang"**



MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Exco PPAUPM telah bersama dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2023 iaitu pada 3 April 2023 dan 19 Disember 2023. Untuk tahun 2024, MBJ akan diadakan pada 13 Mac 2024. Mesyuarat MBJ diadakan bagi membincangkan permasalahan dikalangan kumpulan para akademik (PPAUPM) yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor.



MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) UNIVERSITI

Presiden dan Setiausaha Kehormat PPAUPM turut sama dalam mesyuarat JKPPUPM yang telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2023 iaitu Mesyuarat JKPPUPM kali ke-62 pada 20 Februari 2023, Kali ke-63 pada 15 Mei 2023, mesyuarat kali ke-64 pada 21 Ogos 2023, dan mesyuarat kali ke-65 pada 14 Disember 2023. Untuk tahun 2024, Mesyuarat JKPPUPM kali ke-66 telah diadakan pada 21 Februari 2024.

Pelbagai isu dan cadangan serta penyelesaian berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat tersebut bagi menjamin keselamatan dan kesihatan para pegawai akademik dan lain-lain staf di UPM.

MESYUARAT EXCO PPAUPM

EXCO PPAUPM telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang sesi 2023 iaitu pada 1 Februari 2023, 23 Februari 2023, 16 Mei 2023 dan 13 Disember 2023. Untuk tahun 2024, mesyuarat telah diadakan pada 12 Januari 2024. Mesyuarat telah membincangkan isu-isu dan usul semasa melibatkan pegawai akademik serta mencari penyelesaian yang dipersetujui diperingkat Exco dan wakil fakulti telah dibawa kepada pihak bertanggungjawab.



Antara isu dan permasalahan adalah berkaitan dengan sistem penilaian prestasi pegawai akademik, cadangan bench fee iaitu sumbangan daripada yuran pelajar yang akan membantu analisa/penyelidikan, penambahbaikan sistem pengurusan kenaikan pangkat, kenaikan pangkat berdasarkan time-based untuk membantu pegawai yang akan bersara, isu KIP, beban pensyarah, masalah tuntutan kewangan, isu transformasi governan dan lain-lain isu yang berkaitan.

Isu-isu ini telah dimajukan kepada pihak pengurusan di dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)

MESYUARAT EXCO BERSAMA WAKIL FAKULTI

Mesyuarat Exco bersama wakil fakulti telah diadakan sebanyak sekali pada tahun 2023 iaitu pada 19 Jun 2023. Untuk tahun 2024, perjumpaan dengan wakil Fakulti telah diadakan bersekali dengan Bengkel Maklumbalas Kriteria Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik Baharu iaitu pada 21 Februari 2024. Mesyuarat tersebut telah membincangkan beberapa perkara yang melibatkan perancangan aktiviti dan halatuju PPA, pembentangan hasil Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ), membincangkan justifikasi KPI dan isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal pengajaran dan penyelidikan di fakulti masing-masing.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA PPAUPM 2023 (KAMPUS SERDANG DAN BINTULU)

Pada tahun 2023 tiada Majlis Sambutan Hari Raya PPAUPM diadakan kerana semua sambutan hari raya adalah berpusat di PTJ masing-masing dan university telah memutuskan ianya perlu diadakan pada hari yang sama dengan sambutan hari raya di peringkat PTJ. Atas kekangan waktu dan tugas semasa, majlis sambutan hari raya tidak dapat diadakan pada tahun ini.



KUNJUNGAN HORMAT BARISAN EXCO KE PEJABAT NAIB CANSOLOR KE-10

Kunjungan hormat barisan Exco kepada YBhg. Dato Naib Canselor, Dato' Prof Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah telah diadakan pada 15 Februari 2024 (Jumaat) jam 4 petang di pejabat beliau bagi membincangkan hal-hal semasa pegawai akademik.

“Condong yang akan menongkat, rebah yang akan menegakkan”. Begitulah diibaratkan hubungan baik & saling menyokong di antara pemimpin & kakitangan akademik.

Antara hal yang dibincangkan ialah berkenaan dengan beban kerja dan tekanan para pensyarah, elemen KPI pensyarah, kriteria kenaikan pangkat, indeks kebahagian dan kesejahteraan pegawai akademik serta penjana pendapatan. Perbincangan berjalan lancar dan Dato' Naib Canselor beriltizam membantu pegawai akademik dalam memastikan kesejahteraan dan produktiviti mereka bertambah baik dari masa ke semasa. PPAUPM mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kesediaan YBhg. Dato' Naib Canselor bersama-sama dengan Persatuan dalam menjaga kebajikan ahli.

KUNJUNGAN HORMAT BARISAN EXCO KE PEJABAT PENGERUSI LPU

Barisan exco telah mengadakan kunjungan hormat bersama YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) pada 20 Februari 2023.

Antara perkara yang dibincangkan ketika pertemuan ini ialah berkenaan dengan resolusi pegawai akademik, peranan PPA dalam menjaga kebajikan pegawai akademik, pemerkasaan kuasa autonomi universiti.

Mesyuarat juga membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan ahli akademik untuk perhatian LPU.



KUNJUNGAN HORMAT BARISAN EXCO KE PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR NAIB CANCELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Barisan exco telah mengadakan kunjung hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, YBhg. Prof. Dr. Zamberi Sekawi pada 9 Februari 2023, di Pejabat beliau pada jam 10.30 pagi. Selain daripada mengaluakan pelantikan YBhg. Prof ke jawatan TNC, PPA turut membawa beberapa isu yang berkaitan dengan sistem SKT dan isu-isu geran penyelidikan. Perbincangan berjalan dengan baik dan Prof. TNCPI mengambil maklum akan isu-isu yang dibawa serta turut akan melihat pada elemen berkenaan SKT yang dibentangkan dan akan memcadangkan penilaian yang lebih adil.



PROGRAM LUNCHEON TALK PPAUPM BERSAMA DATO' PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UPM

Majlis luncheon talk PPAUPM bersama dengan Dato' Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, telah diadakan pada 7 Ogos 2023 bertempat di L'apprenti UPM. Dato' Pengerusi telah menyampaikan perkongsian ilmiah kepada ahli-ahli akademik dalam mendepani cabaran tugas semasa. Beliau turut memberikan kata-kata semangat buat semua para akademik untuk terus berjuang dan melaksanakan tugas dengan sehabis baik sebagaimana moto UPM, "Berilmu Berbakti". Majlis telah dihadiri lebih dari 50 orang ahli PPA.



Di kesempatan majlis tersebut, PPA turut menyalurkan sumbangan ikhlas Ramadhan 2023 daripada ahli-ahli nya yang berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja kepada WAZAN UPM dan sumbangan telah diberikan kepada Pengarah Wazan.

PROGRAM LUNCHEON TALK PPAUPM KE-2 & BENGKEL MEMPERKASA PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UPM 2023

PPAUPM telah menganjurkan Program Luncheon Talk kali ke-2 dan Bengkel Memperkasa Persatuan Pegawai Akademik UPM 2023 pada 7 November 2023 di Bilik Sidang, Fakulti Kejuruteraan, UPM. Program luncheon talk ini telah dimulakan dengan sesi perkongsian ceramah aura kepimpinan melalui penampilan yang disampaikan oleh Encik Ludinata Misnun, Timbalan Pengarah, Centre of Entrepreneurial Development & Graduate Marketability UPM.



Program diteruskan dengan Bengkel Memperkasa PPAUPM yang bertujuan untuk merangka plan halatuju PPA serta perancangan aktiviti untuk Kalendar 2023 serta untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan bersama dengan wakil fakulti. Seramai 25 orang wakil fakulti dan exco telah hadir pada bengkel ini

BENGGEL MAKLUMBALAS KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KEGAWAI AKADEMIK BAHARU 2023

Kriteria kenaikan pangkat adalah merupakan wadah utama yang seringkali menjadi perhatian dan dibincangkan di peringkat exco, wakil fakulti dan ahli. Salah satu objektif penubuhan PPA adalah untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya dan semestinya keresahan dan maklumbalas ahli terhadap apa sahaja polisi baharu universiti adalah menjadi perhatian PPA.



Oleh itu bagi membincangkan kriteria kenaikan pangkat pegawai Akademik Baharu yang telah diumumkan pada Disember 2023, satu Bengkel Maklumbalas anjuran PPA telah diadakan pada 21 Februari (Rabu) 2024, di Fakulti Pengajian Pendidikan. Bengkel ini turut telah dihadiri dan dirasmikan oleh YBhg. Prof. TNC (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Ismi Arif Ismail. Lebih 50 orang ahli dan wakil fakulti hadir pada Bengkel kali ini. Maklumbalas dari bengkel ini, akan disalurkan kepada YBhg. TNCAA untuk tindakan selanjutnya.

PERUTUSAN 100 HARI NAIB CANSELOR DAN AMANAT 2024



PPAUPM telah turut serta dalam Perutusan 100 hari Naib Canselor dan Amanat 2024 oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah yang diadakan pada 24 Januari 2024, di Dewan Besar UPM.



SIRI KUPASAN PERUTUSAN 100 HARI NAIB CANSELOR & AMANAT 2024

Wakil Exco PPA, YBhg. Prof. Dr. Muhammad Shahrim Ab. Karim telah mewakili PPA dalam Siri Kupasan Perutusan 100 hari Naib Canselor & Amanat 2024 yang diadakan pada 24 Januari 2024 secara online.



LANDASAN HALA TUJU KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI 2024

Exco dan ahli PPA turut menghadiri sesi taklimat Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024, yang telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir, Menteri Pendidikan tinggi pada 12 Januari 2024, 9.30 pagi, di Dewan Besar, UPM.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

LANDASAN HALA TUJU KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024

12 JANUARI 2024
JUMAAT | 9:30 PAGI

Dewan Besar, Pusat Kebudayaan
dan Kesenian Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM

Semua warga UPM dijemput hadir
menyaksikan **penstriman interaktif**
secara langsung dari UM

UniPutraMalaysia @uputramalaysia uniputra
PERTANIAN • INOVASI
BERILMU BERSAMA
WITH KNOWLEDGE



Lima (5) fokus utama berikut telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, iaitu; (i) Penyediaan Bakat Terbaik Negara; (ii) Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi; (iii) Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu; (iv) Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan (v) Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya sebagai penekanan kepada perancangan serta strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengemudi tahun ini.

SIRI FORUM KEPIMPINAN UNIVERSITI ANJURAN MAAC

SIRI FORUM KEPIMPINAN UNIVERSITI

Siri Ketiga: Kecemerlangan dan Memanfaatkan Penyelidikan di Universiti Awam

KHAMIS
18 JANUARI 2024

10.30 - 11.30 AM

Click Google Meet
<https://meet.google.com/die-arjm-jmj>
or scan QR code below
or attend at Anjung Digital Smart Selangor,
Fakulti Teknologi Sains Maklumat, UKM

Kepimpinan institusi pendidikan tinggi adalah satu perkara penting dalam memastikan pembangunan universiti tempatan selari dengan keperluan semasa dunia dan memacu universiti ke hadapan bersaing di peringkat antarabangsa.

MAAC akan mengadakan siri perbincangan berkaitan kepimpinan universiti sebagai sumbangan idea memantapkan kepimpinan universiti awam di Malaysia.

Professor Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali
PENASIHAT AKADEMIK, MERITUS UNIVERSITI KUALA LUMPUR

Profesor Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon
PRIVATE FUND MANAGEMENT CONSULTANT

Professor Dr. Ahmad Ismail FASc
PRESIDEN, MAAC

SCAN ME



Ahli, Wakil Fakulti dan Exco turut menghadiri Siri Forum Kepimpinan Universiti Anjuran MAAC pada 18 Januari 2024 yang di adakan di Anjung Digital Smart Selangor, Fakulti Teknologi Sains Maklumat, UKM. Lebih 100 orang peserta telah hadir secara fizikal dan online dalam sesi forum ini bagi membincangkan tentang “Kecemerlangan dan Manfaat Penyelidikan di Universiti Awam”.

MESYUARAT AGUNG PPAUPM KALI KE-43

Mesyuarat Agung PPAUPM kali ke-43 telah diadakan secara di Dewan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia pada 10 Mac 2023 (Jumaat), 9.00 pagi – 12.00 tengahari. Ucaptama dan perasmian telah dilaksanakan oleh YBhg. Dato’ Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman, Naib Canselor UPM.

UPM

Mesyuarat Agung Tahunan 43

PPAUPM

10 Mac 2023 | Jumaat |
9:00 am |
Dewan Fakulti Pertanian,
UPM

UCAPTAMA & PERASMIAN

Mendepani 11 Cabaran:
Menggemilangkan
Kesarjanaan Pengajian
Tinggi Negara

YBhg. Dato' Prof. Dr.
Mohd Roslan Bin Sulaiman
Naib Canselor UPM

SEMUA AHLI DIJEMPUT HADIR

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

Facebook.com/UniPutraMalaysia Instagram.com/UniPutraMalaysia @putramalaysia



MAJLIS KONVOKESYEN KE-47 UPM

PPA telah menghantar wakil akademik ke Majlis Konvokesyen ke-47 UPM (Sidang 2) iaitu yang berlangsung dari 25 hingga 30 November 2023, di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).



EDARAN BISKUT RAYA KEPADA AHLI DI UPM SERDANG & KAMPUS BINTULU

Telah menjadi tradisi PPA untuk memberikan edaran bingkisan Hari Raya pada setiap Ramadhan kepada semua ahli. Jika tahun sebelumnya edaran COVID-19 kit telah diberikan namun pada tahun ini edaran biskut raya pula telah diadakan kepada semua ahli berdaftar di kampus UPM Serdang dan Kampus UPM Bintulu.

Diharapkan usaha ini dapat mengeratkan silaturrahim di kalangan kepimpinan PPA dan ahlinya. Semoga usaha ini dapat terus dilaksanakan di masa akan datang.



PERASMIAN RUMAH PUTRA SETIA

Mantan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan telah mengadakan lawatan di samping merasmikan 'Rumah Putra Setia', Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 28 Ogos 2023. Turut hadir bersama meraikan majlis perasmian tersebut ialah Presiden PPAUPM (Prof. Dr. Jalila Abu) serta barisan Exco PPAUPM.



MAJLIS LIBAT URUS KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PPA turut telah menghantar wakil di dalam perbincangan Majlis Libat Urus Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Kementerian Pendidikan Tinggi pada 6 September 2023 (Rabu), 8.30 pagi – 1.00 tengah hari di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya. Pelbagai isu berkenaan sistem saraan perkhidmatan telah dibincangkan dan hasrat daripada pegawai telah disampaikan di dalam sesi ini



TAKLIMAT PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA

Taklimat Penubuhan Kesatuan Sekerja di dalam Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) 2023 telah diadakan pada 25 September 2023 di Kelab Shah Alam, Selangor. Presiden dan beberapa orang exco PPA telah dijemput menghadiri sesi taklimat ini bersama-sama dengan Persatuan Akademik Universiti Awam seluruh negara.

Antara objektif taklimat ini adalah untuk menggalakkan Persatuan Akademik untuk bergerak menjadi Kesatuan Sekerja yang mendapat banyak manfaat dalam menyuarakan hasrat dan kepentingan pegawai akademik di institusi mereka. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Tuan Kamal Pardi, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Kementerian Sumber manusia.

SESI MEET & GREET NAIB CANSOLOR UPM KE-10

Sesi Meet and Greet Naib Canselor UPM Ke 10 iaitu YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah bersama Pegawai Kanan UPM, Jawatankuasa Tertinggi (Presiden, Setiausaha dan Bendahari) Persatuan/Kesatuan dan Majlis Perwakilan Pelajar telah diadakan pada 3 Oktober 2023 (Selasa), Dewan Senat, Tingkat 1 Bangunan Canselori Putra. Sesi ini adalah sesi perkenalan barisan pegawai dan kepimpinan dengan YBhg. Dato' Naib Canselor yang baharu.



SAMBUTAN BULAN PENDIDIK BERSAMA PPAUPM

Bulan Oktober adalah merupakan bulan Akademia. Setiap tahun sambutan Bulan Pendidik akan diadakan di peringkat universiti yang dianjurkan oleh Cade. Pada tahun ini sambutan Bulan Pendidik diadakan oleh Cade dengan kerjasama PPAUPM telah diadakan pada 30 Oktober 2023 (Isnin), jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari di Mini Theatre, Aras 2, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), UPM.

Barisan Majlis Eksekutif PPAUPM 2023/2025



Presiden
(Sesi 2021 - 2023)
Profesor Dr. Jalila Abu
Fakulti Perubatan Veterinar

 jalila@upm.edu.my

Timbalan Presiden
(Sesi 2021 - 2023)
Profesor Dr. Rosnah Shamsudin
Fakulti Kejuruteraan



 rosnahs@upm.edu.my

Ex-Officio
Profesor Dr. Wan Zuha Wan Hasan
Fakulti Kejuruteraan



wanzuha@upm.edu.my

Bendahari Kehormat
(Sesi 2021 - 2023)
Dr. Hanny Zurina Hamzah
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi



hannyzurina@upm.edu.my

Setiausaha Kehormat
(Sesi 2021 - 2023)
Dr. Sharifah Norkhadijah
Syed Ismail
Fakulti Perubatan & Sains
Kesihatan



norkhadijah@upm.edu.my

Timb. Setiausaha Kehormat
(Sesi 2021 - 2023)
Dr. Ferdius @Ferdus
Mohamat Yusuff
Fakulti Perhutanan & Alam
Sekitar



ferdius@upm.edu.my

Barisan Majlis Eksekutif PPAUPM 2023/2025 EXCO



Prof. Dr. Muhammad
Shahrim Abdul Karim
Fakulti Sains & Teknologi Makanan
shahrim@upm.edu.my



Prof. Dr. Kulanthayan C. Mani
Fakulti Perubatan & Sains
Kesihatan
kulan@upm.edu.my



Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob
Fakulti Kejuruteraan
m_effendy@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Muhamad Taufik
Abdullah
Fakulti Sains Komputer & Teknologi
Maklumat
mta@upm.edu.my



Lt. Kdr. Prof. Gs. Dr. MohdHasmadi
Ismail PSSTLDM
Fakulti Perhutanan & Alam Sekitar
mhasmadi@upm.edu.my



Lt. kol. Othman Jailani
Fakulti Pengajian Pendidikan
obj@upm.edu.my

Juruaudit



Juru Audit 1
Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab
Fakulti Pertanian

putri@upm.edu.my



Juru Audit 2
Dr. Wan Nor Zanariah Zainol@ Abdullah
Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan & Sains
(Kampus Bintulu)

wnzz@upm.edu.my

Barisan Wakil Fakulti PPAUPM 2023/2025

Fakulti Ekologi Manusia



Dr. Sa'odah Ahmad
Jabatan Pembangunan
Manusia & Pengajian
Keluarga

saodahahmad@upm.edu.my



Dr. Shamsul
Azahari Zainal Badari
Jabatan Pengurusan
Sumber & Pengajian
Pegguna

shazri@upm.edu.my



Dr. Abdul Razak Abdul
Rahman
Jabatan Sains
Kemasyarakatan &
Pembangunan

arazak@upm.edu.my



Dr. Ang Mei Foong
Jabatan Muzik

meifoong@upm.edu.my



Dr. Normalia Samian
Jabatan Teknologi
Komunikasi &
Rangkaian

normalia@upm.edu.my



Dr. Ng KengYap
Jabatan Kejuruteraan
Perisian &
Sistem Maklumat

kengyap@upm.edu.my

Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat



Dr. Khaironi
Yatim Sharif
Jabatan Kejuruteraan
Perisian &
Sistem Maklumat

khaironi@upm.edu.my



Dr. Siti Khadijah Ali
Jabatan Multimedia

ctkhadijah@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi



Dr. Zainor Izat Zainal
Jabatan Bahasa Inggeris

zainor@upm.edu.my



Dr. Rahimah Hamdan
Jabatan Bahasa Melayu

rahimah@upm.edu.my



Dr. Mohd Feroz
Shah De Costa
Jabatan Komunikasi

mohdferoz@upm.edu.my



Dr. Wan Muhammad
Wan Sulong
Jabatan Bahasa Asing

w_mhd@upm.edu.my

Barisan Wakil Fakulti PPAUPM 2023/2025

Fakulti Perubatan Veterinar



Prof. Madya Dr. Nurul
Hayah Khairuddin
Jabatan Perubatan
& Pembedahan
Haiwan Ladang &
Eksotik
nurulhayah@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Hafandi
Ahmad
Jabatan Sains Pra-
Klinikal Veterinar
hafandi@upm.edu.my



Prof. Madya. Dr.
Rozaihan Mansor
Jabatan Perubatan
& Pembedahan Haiwan
Ladang & Eksotik
rozaihan@upm.edu.my



Dr. Farina Mustaffa Kamal
Jabatan Patologi
& Mikrobiologi Veterinar
farina@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Emilia
Zainal Abidin
Jabatan Kesihatan
Persekitaran dan
Pekerjaan
za_emilia@upm.edu.my



Dr. Haniza Hassan
Jabatan Anatomi
Manusia
nizahassan@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Ho
Kok Lian
Jabatan Patologi
klho@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Zainul
Amiruddin Zakaria
Jabatan Sains Bioperubatan
zaz@upm.edu.my

Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan

Fakulti Perhutanan & Alam Sekitar



Dr. Zulfa Hanan Ash'aari
Jabatan Alam Sekitar
zulfa@upm.edu.my



Dr. Zulkhairi Azizi
Zainal Abidin
Jabatan Taman
Alam & Rekreasi
zulkhairi.zainal@upm.edu.my



Dr. Normala Halimoon
Jabatan Alam Sekitar
mala_upm@upm.edu.my



Dr. Azita Ahmad Zawawi
Jabatan Taman
Alam & Rekreasi
azitazawawi@upm.edu.my

Barisan Wakil Fakulti PPAUPM 2023/2025

Fakulti Pertanian



Prof Madya Dr Nolila
Md Nawi
Jabatan Perniagaantani
& Ekonomi Biosumber

nolila@upm.edu.my



Prof Madya Dr Norida
Mazlan
Jabatan perlindungan
Tumbuhan

noridamz@upm.edu.my



Dr. Muhamad Hazim
Nazli
Jabatan Sains Tanaman

m_hazim@upm.edu.my



Dr. Mohd Nazri Md Nayan
Jabatan Sains Haiwan

nazri.nayan@upm.edu.my



Prof. Madya Dr.
Suriana Sabri
Jabatan Mikrobiologi

suriana@upm.edu.my



Prof. Madya Dr.
Nurulfiza Mat Isa
Jabatan Biologi Sel
& Molekul

nurulfiza@upm.edu.my



Dr. Mohd Shamzi
Mohamed
Jabatan Teknologi

m_shamzi@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Amir
Syahir Amir Hamzah
Jabatan Biokimia

amirsyahi@upm.edu.my

Fakulti Bioteknologi & Sains Biomolekul



Prof. Dr. Ismi Arif Ismail
Jabatan Pemajuan Profesional
& Pendidikan Lanjutan

ismi@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Nor Wahiza
Abd. Wahat
Jabatan Pemajuan Profesional
& Pendidikan Lanjutan

wahiza@upm.edu.my

Fakulti Pengajian Pendidikan

Barisan Wakil Fakulti PPAUPM 2023/2025

Fakulti Sains



Dr. Norhazlin Zainuddin
Jabatan Kimia

norhazlin@upm.edu.my



Dr. Noor Azlin Ismail
Jabatan Pengurusan &
Pemasaran

azlin_is@upm.edu.my



En. Kamarulzaman
Ismail
Jabatan Pengurusan &
Pemasaran

kamarul@upm.edu.my



Dr. Rosmila Senik
Jabatan Perakaunan &
Kewangan

rosmilassenik@upm.edu.my



Dr. Mohammad Noor
Hisham Osman
Jabatan Perakaunan &
Kewangan

mhisham@upm.edu.my

Sekolah Perniagaan & Ekonomi

UPMKB



Prof. Madya Dr. Leong
Sui Sien
Fakulti Sains Pertanian
& Perhutanan

leongsuisien@upm.edu.my



En. Mohammad Saufi
Mohammad Ramli
Fakulti Kemanusiaan,
Pengurusan & Sains

m_saufi@upm.edu.my



Dr. John Keen Chubo
Fakulti Sains Pertanian
& Perhutanan

johnkeen@upm.edu.my



Dr. Neilson Teruki
Fakulti Kemanusiaan,
Pengurusan & Sains

neilson@upm.edu.my

Barisan Wakil Fakulti PPAUPM 2023/2025

Pusat Asasi Sains Pertanian



Prof. Madya Dr. Siti
Nurulain Md Jamil
Bidang Kimia
ctnurulain@upm.edu.my



Dr. Nor Hafizah Ahmad
Kamarudin
Bidang Biologi
hafizah_kamar@upm.edu.my



Encik Azham
Mohamad
Akademik Pertanian
azham@upm.edu.my



Encik Ahmad Nazri
Mohamad Som
Akademik Matematik
nazrims@upm.edu.my



Dr. Rozzamri Ashari
Bidang Pemprosesan
Makanan
rozzamri@upm.edu.my



Dr. Ungku Fatimah Ungku
Zainal Abidin
Bidang Pengurusan Khidmat
Makanan
ungkufatimah@upm.edu.my

Fakulti Sains & Teknologi Makanan

Fakulti Rekabentuk & Senibina



Dr. Siti Sarah Herman
Bidang Quantity Surveying,
Construction Costing, Contractual
In Construction, Organisational
Behaviour,
Professional Management.

h_sitisarah@upm.edu.my

Barisan Wakil Fakulti
PPAUPM 2023/2025

Fakulti Kejuruteraan



Ts. Dr. Mohd Zuhair Mohd Nor
Email: zuhair@upm.edu.my



Ts. Dr. Muhammad Hazwan Hamzah
hazwanhamzah@upm.edu.my



Dr. Muhammad Azim Azizi
muhdazim@upm.edu.my



JAWATANKUASA PPAUPM 2023/25

Jawatankuasa Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)	:	Presiden, Profesor Dr. Jalila Abu Fakulti Perubatan Veterinar
		Timb. Presiden, Profesor Dr. Rosnah Shamsudin Fakulti Kejuruteraan
		Setiausaha Kehormat, Dr. Sharifah Norkhadijah Syed Ismail Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
		Bendahari Kehormat, Dr. Hanny Zurina Hamzah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)	:	Presiden, Profesor Dr. Jalila Abu Fakulti Perubatan Veterinar
		Setiausaha Kehormat, Dr. Sharifah Norkhadijah Syed Ismail Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Jawatankuasa Penyelidikan & Penerbitan	:	Dr. Hanny Zurina Hamzah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Jawatankuasa Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM)	:	Prof. Dr. Kulanthayan K. C. Mani Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Jawatankuasa Latihan	:	Prof. Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Jawatankuasa Pengajaran	:	Dr. Ferdius@Ferdaus Mohamat Yusuff Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
Jawatankuasa Sukan	:	Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab Fakulti Pertanian
		Lt. Kol. Othman Jailani Fakulti Pengajian Pendidikan
Jawatankuasa Kebajikan dan Putra Bakti	:	Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob Fakulti Kejuruteraan
		Prof. Madya Dr. Muhamad Taufik Abdullah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Jawatankuasa Dana wakaf ilmu & Hal Ehwal Pelajar	:	Prof. Dr. Mohd. Hasmadi Ismail Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
Jawatankuasa Perkhidmatan & Pengurusan	:	Timb. Presiden, Profesor Dr. Rosnah Shamsudin Fakulti Kejuruteraan

Ahli Akademik yang dihormati, Terima kasih atas sokongan anda!

PPA dengan sukacitanya ingin menjemput Ahli Akademik yang berminat untuk menyumbang cadangan, idea penambahbaikan mahupun artikel aktiviti atau apa sahaja yang berkaitan untuk diterbitkan dalam buletin yang akan datang. Semoga dengan usaha ini, dapat menarik minat lebih ramai Ahli Akademik untuk menjadi Ahli PPA serta turut aktif dalam program dan aktiviti yang berkaitan. Sebarang maklumbalas, aduan atau cadangan boleh diemailed kepada Setiausaha Kehormat PPAUPM di ppa@upm.edu.my. Terima kasih.

PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UPM

Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Email: ppa@upm.edu.my



"BULAT SEGILING, PECAK SETAPIK."